

MDEC Memfasilitasi Agensi Pelancongan Dalam Talian Tawar Revolusi Tempahan Bilik Eksklusif dikuasaikan oleh Realiti Maya

- *Menerusi kerjasama dengan pitchIN, Igotopia akan memperoleh dana ekuiti terbesar di Malaysia setakat ini bernilai RM8.2 juta*
- *Didorong oleh ekosistem teknologi, pembiayaan dan bakat yang matang dan kondusif oleh MDEC*

CYBERJAYA, 29 JUN 2021: Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), agensi utama dalam memimpin transformasi digital negara bekerjasama dengan platform ekuiti pendanaan awam, pitchIN hari ini mengumumkan pelaksanaan kaedah yang berevolusi untuk melancong dan menempah bilik hotel yang disokong oleh platform realiti maya, Igoroom.

Igotopia (Syarikat Induk) akan dibentuk melalui anak syarikat milik penuh Gecko Digital Global Limited (agensi realiti maya terkemuka di Asia) dan Igotrip Sdn. Bhd. (yang beroperasi sebagai Igoroom). Ia berjaya mengumpulkan RM5.9 juta dalam dana ekuiti dan dalam usaha untuk mencapai RM8.2 juta, yang merupakan pendanaan terbesar seumpamanya di Malaysia.

“Inisiatif awam dan swasta ini sangat penting dalam merealisasikan matlamat Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan Malaysia 5.0, iaitu hasrat untuk mewujudkan sebuah negara yang sangat terintegrasi dengan teknologi bagi memberikan peluang digital yang adil kepada rakyat dan perniagaan. MDEC akan terus menjalin kerjasama dengan platform seperti pitchIN untuk memfasilitasi dan mengatur dana alternatif supaya dapat menjadi pemangkinan kepada pertumbuhan ekosistem permula tempatan dan seterusnya mengembangkan Unicorn kita sendiri,” kata Gopi Ganesalingam, Naib Presiden Bahagian Ekosistem Teknologi dan Globalisasi MDEC.

Sejak tahun lepas, MDEC telah memfasilitasi pembiayaan berjumlah RM48.3 juta untuk 26 syarikat permula tempatan di platform pendanaan ekuiti awam. Ini merupakan langkah penting supaya syarikat kategori berkenaan dapat terus bertahan dan berkembang pada masa sukar ini disebabkan cabaran pandemik COVID-19.

Agensi pelancongan dalam talian Igotopia Igoroom akan dikendalikan secara realiti maya yang memberi tumpuan untuk menawarkan pengalaman perjalanan mewah yang bersesuaian di seluruh dunia membabitkan resort dan hotel terkenal dengan memanfaatkan *Virtual Reality*.

Igoroom merupakan aplikasi penyelesaian yang memberi pengalaman baharu dengan memacu navigasi berdasarkan penggunaan pengalaman pengguna (UX) dan rekaan antara muka pengguna (UI). Ciptaan ini yang inovatif serta mencetus revolusi dalam kaedah menempah hotel. Pengalaman mendalam yang bermakna ini membabitkan penemuan lokasi (udara, dalaman, bawah air VR) dengan perbandingan interaktif hartanah dan kemudahan hotel melalui perintis lawatan VR360 secara mendalam.

Ketika kesan pandemik mulai berkurangan, Igoroom akan mula melaksanakan pakej menginap untuk pelancong tempatan dan ‘beli sekarang menginap kemudian’ untuk pelancong luar negara supaya dapat memanfaatkan permintaan yang tertangguh. Ketika kerajaan menyusun strategi untuk merangsang kembali pertumbuhan sektor pelancongan, Igoroom dan Gecko Digital sudah bersedia untuk memanfaatkan insentif ‘staycation’ menerusi konsep ‘beli sekarang menginap kemudian’ di kawasan yang sudah mula mencatatkan permintaan tinggi setelah sekatan perjalanan mula dilonggarkan terutamanya melibatkan pasaran berpotensi besar dan destinasi pelancongan mewah.

Antara pelabur yang terlibat ialah Burhanuddin Md Radzi yang terkenal menerusi filem animasi Upin & Ipin, Poon Yew Hoe, rakan pengurusan Crowe Malaysia yang juga firma perakaunan kelima terbesar di Malaysia dan Joost Folkers yang merupakan Ketua Pegawai Kewangan syarikat multinasional.

Burhanuddin telah menjadi pelabur urus niaga ekuiti pendanaan awam terbesar di Malaysia menerusi pelaburan melebihi RM3 juta dalam Igotopia. Beliau yakin syarikat itu akan melaksanakan projek berkenaan dengan berkesan apabila menyasarkan pelancong berpendapatan sederhana dan tinggi iaitu dua segmen yang diharapkan dapat kembali menyuntik pemulihan sektor ini. "Saya percaya ini akan menjadi kesempatan bagi kita untuk mempercepatkan gelombang pemulihan kerana pelancong di Eropah dan Asia teruja untuk memulakan perjalanan," katanya.

Igotopia telah mengumpulkan pasukan pengurusan dan lembaga penasihat yang mantap apabila dikendalikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, James South. Matthew Barsing pula selaku Ketua Pegawai Komersial manakala Daniel Hofinger sebagai Ketua Pegawai Pemasaran. Turut terlibat ialah Shaun Bicheno yang diberi tanggungjawab sebagai Ketua Pegawai Operasi. Panel penasihat pula terdiri daripada Michael Flynn, yang merupakan veteran dalam industri pelancongan dan hospitaliti selain Burhanuddin dan Bobby Varanasi yang merupakan pengasas Matryzel Consulting iaitu sebuah firma penasihat bebas. Turut menyertai panel ini ialah Joost Folkers yang berpengalaman sebagai Ketua Pegawai Kewangan di pelbagai negara dan juga memiliki kepakaran dan dalam segmen barangan pengguna cepat laris (FMCG) di Eropah dan Asia. Poon Yew Hoe pula merupakan rakan pengurusan Crowe Malaysia, sebuah firma perakaunan yang memiliki 14 pejabat di Malaysia dan Kemboja manakala Victor Chua dari Vynn Capital yang berpangkalan di Malaysia turut terlibat.

Ketua Pegawai Eksekutif pitchIN, Sam Shafei pula berkongsi harapannya terhadap Igotopia. "Kami gembira melihat sebilangan pelabur berprofil tinggi terlibat pengumpulan dana Igotopia di pitchIN. Igotopia memberikan penyelesaian yang berharga untuk industri pelancongan yang sangat terkesan. Ini mewujudkan pengalaman baharu dalam membuat tempahan secara dalam talian. Pasukan yang telah dikumpulkan oleh James dan dengan pusat operasi di Malaysia, kami menantikan perkembangan global yang pesat,"ujarnya.

Pusingan pelaburan Igotopia ECF kini telah disiarkan di pitchIN. Pelaburan minimum bermula pada RM3569.50. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://bit.ly/igotopia-ecf>

#TAMAT#

Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang menerajui transformasi digital negara sejak 25 tahun lalu. MDEC membawa agenda Malaysia 5.0, membolehkan negara diintegrasikan dengan teknologi secara mendalam, seterusnya menyediakan peluang-peluang digital yang adil dan saksama kepada rakyat dan perniagaan.

Bagi mencapai matlamat ini, MDEC memberi tumpuan kepada empat teras DIGITAL utama iaitu Kemahiran Baharu (*New skills*), Penerimaan (*Adoption*), Pengganggu (*Disruptors*) dan Pelaburan (*Investments*). Ini membentuk asas kepada kempen jenama digital NADI MDEC yang memacu program-program terasnya untuk rakyat, perniagaan dan para pelabur. MDEC mensasarkan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaya saing tinggi dari segi digital di peringkat global, berpandukan inklusif, kelestarian, dan kemakmuran bersama dan menetapkan asas yang kukuh untuk Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN.

#Malaysia5.0 #NadiDigital #SayaDigital #MHODA #MyMDEC

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut melalui inisiatif-inisiatif Ekonomi Digital MDEC, layari www.mdec.my atau ikuti kami di: Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/> Twitter: @mymdec

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:



KENYATAAN MEDIA

Dashika Ganeswaran - dashika.ganeswaran@mdec.com.my
Simon Yap - simon.yap@mdec.com.my

About pitchIN

pitchIN, a Registered Market Operator (RMO) with the Securities Commission, is Malaysia's leading equity crowdfunding platform.

pitchIN Equity went live in March 2016 and to date it has successfully funded 112 deals, the most among all ECF platforms in Malaysia. pitchIN has raised over RM177 million to date, with over 5500 investments made into fast growing Malaysian companies.

pitchIN also operates a rewards crowdfunding platform and has championed crowdfunding in Malaysia since 2012.

For more information, please visit www.equity.pitchin.my